

25/07/2000

Unit berkuda DBKL

Norzilawati Abdul Halim

UNIT ini diilhamkan Datuk Bandar ketika itu, Datuk Elyas Omar, atas saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menggalakkan orang ramai menceburi bidang ekuestarian (riadah berkuda).

Pada 1 Februari 1989, Unit Pasukan Berkuda ditubuhkan dengan 28 anggota, semuanya lelaki. Setahun kemudian, unit kami membuat pengambilan kedua dan pertama kalinya mengambil tujuh wanita di samping 11 lelaki.

Kami yakin wanita juga berkebolehan. Sifat lemah lembut mereka adalah kelebihan untuk mengendalikan kuda dengan lebih mudah.

"Kuda agak sensitif dan mudah bertindak balas sekiranya ia takut pada sesuatu. Di sinilah anggota wanita boleh menggunakan kelebihan mereka," kata Mohd Yusof.

Syarat pengambilan anggota wanita adalah sama seperti anggota lelaki. Antaranya, perlu sihat tubuh badan, penglihatan baik, sanggup menghadapi risiko dan mempunyai sifat menyayangi haiwan.

Kebanyakan anggota terpilih, tidak mempunyai pengetahuan mengenai kuda dan mereka perlu menjalani latihan intensif selama enam bulan sebelum penerimaan sijil tamat latihan.

"Setiap anggota bekerja mengikut tugas iaitu pengawasan bangsal, latihan menunggang dan rondaan. Tugas dilakukan secara bergilir mengikut syif.

"Tiada diskriminasi dalam pemberian tugas. Sekiranya mereka dijadualkan mengawasi bangsal, setiap anggota bertanggungjawab memastikan kandang dijaga sebaiknya, termasuk membersihkan kuda, menyediakan makanannya dan penjagaan kesihatan.

"Bagi tugas kedua, mereka perlu menjalani latihan berkuda tiga elemen iaitu gabungan pasukan berkuda, pasukan bermotor dan pasukan pancaragam untuk pertunjukan.

"Manakala tugas rondaan dijalankan dalam dua syif iaitu waktu pagi bermula 7.30 hingga 9.30 pagi dan 4.30 hingga 6.30 petang. Pasukan perlu memastikan pengunjung tidak melakukan kesalahan kecil ketika berada di taman seperti membuang sampah, salah letak kereta dan merosakkan harta benda awam.

"Lazimnya mereka membuat rondaan di sekitar Taman Tasik Perdana, Titiwangsa dan Permaisuri. Setiap rondaan dijalankan secara berpasangan," jelas Yusof.

Yusof menambah, risiko utama yang harus dihadapi oleh pasukan unit berkuda adalah kemalangan ketika menunggang.

Kebanyakan kecederaan yang membabitkan kemalangan ketika menunggang kuda boleh menyebabkan keretakan tulang belakang dan boleh lumpuh seluruh badan pada peringkat serius.

Oleh itu sepanjang latihan menunggang dan tugas yang dijalankan itu, anggota diberi latihan keselamatan cara mengendalikan kuda dan beberapa kaedah psikologi untuk menenangkan kuda ketika kecemasan.

Bagi anggota yang mengalami kecederaan tidak serius, mereka tidak lagi diberi tugas luar, sebaliknya melakukan kerja pentadbiran.

Setakat ini hanya enam anggota wanita saja masih bertugas manakala yang lain diberi tugas pentadbiran atas faktor kesihatan.

Antara penunggang kuda yang cekap ialah Lans Koperal Saliah Kamaludin dan Koperal Ruzailina Zainal Abidin.

Selain tugas rutin, mereka diberi pendedahan dengan menyertai beberapa pertandingan ekuistarian di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Kejayaan Koperal Ruzailina paling menyerlah. Beliau banyak kali mewakili negara dalam acara ini. Antaranya meraih tempat kedua dan ketiga dalam Canberra World Cup Australia Team Event pada 1994, pertandingan show jumping di York Shire, England pada 1996 dan terbaru menjuarai acara D/C dalam Johor Horse Show.

* SUDAH 12 tahun Lans Koperal Saliah bersama Unit Pasukan Berkuda Direktorat Penguatkuasaan, DBKL.

Walaupun tidak mempunyai pengetahuan asas ekuistarian beliau memberanikan diri memohon jawatan itu kerana inginkan cabaran.

"Biasalah masa mula-mula dulu memang rasa bangga. Maklumlah sering menjadi perhatian. Apabila kita meronda sekitar ibu kota, orang ramai memandang kami dengan rasa kagum.

"Saya memang menyedari risiko yang bakal dihadapi terutamanya jika berlaku kemalangan. Selain terjatuh ketika menunggang, saya juga pernah dipijak kuda hingga meninggalkan kesan lebam berbentuk ladam di lengan kanan.

"Keluar masuk hospital tu, memang perkara biasa. Namun, saya bersyukur kerana tidak mendapat kecederaan yang teruk kecuali terseliuh. Selepas 12 tahun, saya tidak pernah rasa kesal menyandang jawatan ini.

"Saya pernah berkursus di Australia selama dua bulan bersama Koperal Ruzailina, untuk mendalami pengetahuan pengendalian dan pengurusan kuda secara intensif. Sekembali ke sini, saya berpeluang berkongsi ilmu itu bersama rakan anggota yang lain," katanya.

Menurut Saliah, saling percaya antara satu sama lain adalah aset utama bagi mendapatkan kerjasama yang erat antara penunggang dan kudanya.

Beliau yang ditugaskan menjaga dua kuda bernama Kesuma dan Selasih, tidak menghadapi masalah ketika mengendalikan kedua-duanya.

"Apa yang penting kita perlu pastikan kuda itu memahami kehendak atau arahan, barulah wujud kerjasama ketika menjalankan tugas. Kesuma adalah kuda untuk latihan manakala Selasih untuk rondaan.

Beliau yang juga sudah berkeluarga dan mempunyai tiga anak lelaki, tidak menganggap tugasnya mengganggu tanggungjawab sebagai ibu dan isteri. Suaminya yang juga dari jabatan sama tetapi di bawah unit trafik penguatkuasaan, amat memahami kerjaya Saliah dan memberi dorongan sepenuhnya.

* Lans Koperal Zanita Zainul Abidin yang menyertai Jabatan Direktorat Penguatkuasaan pada 1995, pada mulanya memilih jawatan pegawai penguatkuasa. Bagaimanapun beliau bersetuju menyertai unit berkuda kerana ada kekosongan selain mahukan cabaran dalam kerjaya.

"Saya masih ingat ketika ditemuduga, pegawai bertanya, sama ada saya sanggup menyertai pasukan berkuda walaupun kerjaya ini ada risiko. Saya kata sanggup dan sahut cabarannya. Kini, saya kekal bersama dengan unit ini selama lima tahun.

"Masa mula-mula tu, terfikir juga, mampukah saya melakukannya kerana saya bertubuh kecil. Silap haribulan kalau dihumbankannya saya, nahas dibuatnya. Namun perasaan takut itu semakin reda dengan dorongan pegawai wanita senior. Sekarang saya semakin yakin untuk mengendalikannya.

"Ketika latihan, saya pernah juga jatuh, tetapi dengan mengamalkan teknik keselamatan yang betul, saya hanya mendapat kecederaan kecil saja", katanya.

Zanita sudah masak dengan kerenah kudanya, Kris yang dijaga sejak lima tahun lalu.

Katanya, Kris begitu manja dengannya hingga segala urusan pembersihan termasuk memandikannya mesti dilakukan Zanita sendiri.

Kris tahu kehadirannya walaupun cuma mendengar tapak kasutnya. Kelemahan Kris ialah takut pada muzik pancaragam dan sering menunjukkan tingkah laku tidak selesa apabila mendengar muzik bising.

Mengenai penerimaan anggota lelaki lain, Zanita berkata beliau mendapat kerjasama penuh daripada mereka.

"Mengendalikan kuda juga ada pantang larangnya. Kita mesti pandai memujuk dan memberi penghargaan. Kuda peka kepada persekitaran. Kalau kita rasa kuda dalam keadaan tidak selesa, kita mesti pandai menenangkannya supaya tidak melakukan perkara yang boleh menyebabkan kemalangan," katanya yang menegaskan akan terus bersama pasukan ini selagi perkhidmatannya diperlukan.

(END)